

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

PERMOHONAN MENAIKKAN BAYARAN ELAUN INSENTIF KESIHATAN AWAM BAGI PAKAR PERUBATAN KESIHATAN AWAM

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk menaikkan kadar 'Elaun Insentif Kesihatan Awam bagi doktor-doktor Pakar Perubatan Kesihatan Awam di dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.

2.0 LATARBELAKANG

Buat masa ini, Pakar Perubatan Kesihatan Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia diberi Bayaran Insentif Kesihatan Awam (BIKA) iaitu 80% daripada Bayaran Insentif Pakar (BIP) yang dinikmati oleh Pakar-pakar Perubatan Klinikal.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam yang berkhidmat di Universiti-universiti Tempatan dibayar Bayaran Insentif Pakar (BIP) sama seperti Pakar-pakar Perubatan Klinikal di Universiti-universiti Tempatan.

Beberapa Kertas Cadangan serta Memorandum berkaitan perkara ini telah dikemukakan sejak tahun 2000 namun statusnya tetap sama.

Siapakah Pakar Perubatan Kesihatan Awam?

Pakar Perubatan Kesihatan Awam adalah Pegawai Perubatan (lulusan MBBS/MD) yang mempunyai kelulusan Sarjana Kesihatan Masyarakat (MPH) atau yang setaraf dengannya dan diwartakan oleh Jawatankuasa KHAS Perubatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan setelah memenuhi kriteria berikut:-

- Lulusan MPH kepakaran Kesihatan Awam yang mengikuti kursus berkenaan selama 4 tahun, dari universiti tempatan dan telah menjalani proses pra-warta selama tidak kurang dari 6 bulan.
- Lulusan Sarjana Kesihatan Awam (MPH) dan yang setaraf dengannya yang mengikuti kursus berkenaan selama kurang daripada 4 tahun, dari universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf serta telah berkhidmat dalam Bidang Kesihatan Awam selama tidak kurang dari 48 bulan serta dapat membuktikan penglibatan mengikut senarai semak proses pewartaan alternatif.
- Lulusan Sarjana Kesihatan Awam (MPH) dan yang setaraf dengannya selama 1 tahun + DrPh/ PhD kepakaran Kesihatan Awam selama 3 tahun, dari universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf dan telah menjalani proses pra-warta selama tidak kurang dari 6 bulan.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam bertugas sebagai:-

- Pengarah Kesihatan Negeri
- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
- Pegawai Kesihatan Daerah
- Pengarah Hospital
- Pengarah Institusi
- Pengarah Bahagian di Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pegawai-pegawai Pakar dalam Program Teknikal Kesihatan Awam

Kepakaran dalam Kesihatan Awam adalah seperti berikut:

- Epidemiologi
- Kesihatan Pekerjaan
- Kesihatan Persekitaran
- Kesihatan Keluarga
- Pengurusan Kesihatan
- Promosi Kesihatan

Jumlah Pakar Perubatan Kesihatan Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga Mac 2008 adalah seramai 451 orang.

Secara amnya, Pakar Perubatan Kesihatan Awam bertanggungjawab merancang, memantau dan menjalankan program kesihatan awam dari peringkat kementerian, negeri dan daerah. Program-program kesihatan awam amat penting seperti kawalan penyakit berjangkit/tidak berjangkit, kawalan mutu makanan/air minuman, kawalan persekitaran dan pelbagai program lain.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

Oleh kerana bidang tugas yang sedemikian rupa, maka adalah wajar elaun Insentif bagi Pakar Perubatan Kesihatan Awam dinaikkan sama seperti Elaun Pakar Klinikal yang lain.

4.0 KESIMPULAN

4.1 Permohonan supaya kadar elaun insentif kesihatan awam yang sedia dikaji semula adalah merupakan satu keperluan dalam menghargai tugas yang dijalankan oleh para doktor. Perbezaan kadar ini boleh menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan para doktor dan perlu dikaji semula dan diberikan kadar yang sama, sudah pastinya ianya akan memberikan daya saing untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan.

5.0 SYOR

- 5.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Professional dipohon untuk menimbangkan kenaikan kadar elaun insentif Kesihatan Awam bagi Pakar Perubatan Kesihatan Awam sama seperti bayaran insentif Pakar Klinikal yang lain.